

26/12/1997

Pertemuan panel MSC peringkat pelaburan IT

Ahmad Ghazali Musa

PANEL Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) yang dibentuk ketika lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Los Angeles, Amerika Syarikat, awal tahun ini, dijangka mengadakan pertemuan di Kuala Lumpur, pertengahan Februari depan.

Pertemuan kali kedua itu yang bakal menemukan paling ramai peneraju IT dunia diharap dapat menarik lebih ramai pelabur asing, terutama dalam industri berkaitan IT menyertai MSC.

Difahamkan pada pertemuan kali ini, panel MSC akan membincangkan lebih terperinci perkara membabitkan usaha menyalur pelbagai kepakaran dan mengenal pasti bidang yang akan dan sudah disertai dan mengemaskini perkembangan pembangunan projek itu.

Lebih penting, pertemuan itu bakal menyediakan input lebih komprehensif untuk MSC memperbaiki kelemahan pelaksanaannya serta mencari kaedah menyesuaikan mengikut aspirasi dan keperluan pelabur serta pelanggan yang bakal memanfaatkan produk yang akan dihasilkan.

Perjumpaan kali ini juga dijangka mengumpulkan banyak input kerana ramai peneraju IT dunia dijangka hadir.

Itulah harapan besar kerajaan Malaysia dan Perdana Menteri sendiri yang benar-benar serius menawarkan kepada dunia satu kawasan seluas 750 kilometer persegi sebagai kawasan pencetus industri IT peringkat serantau dan antarabangsa.

Pada pertemuan pertama di Universiti Stanford, lima ahli panel tidak dapat hadir iaitu Ketua Eksekutif Microsoft, Bill Gates; Louis Gerstner (Ketua Eksekutif IBM); Dr Heinrich von Pierer (Pengerusi dan Ketua Eksekutif Siemens Corporation), Tadashi Sekizawa (Presiden Fujitsu) dan Alvin Toffler (pengasas Toffler & Associates).

Kehadiran mereka pada kali ini amat diharapkan kerana pelbagai idea mereka boleh digarap dan dijadikan aset bagi kejayaan pelaksanaan MSC.

Ini selaras dengan pembentukan panel MSC yang bertujuan memastikan pembangunan projek berkenaan berjalan mengikut perancangan.

Tanggungjawab panel penasihat terbabit ialah untuk menyediakan khidmat nasihat kepada Dr Mahathir dan Kerajaan Malaysia, membabitkan isu strategik berkaitan MSC, termasuk prasarana dan alam sekitar, polisi dan perundangan siber, insentif dan pemasaran serta pembangunan industri domestik.

Panel yang dipengerusikan sendiri oleh Dr Mahathir dianggotai 30 ahli terdiri daripada ahli akademik, perunding dan peramal perkembangan IT serta peneraju syarikat IT tempatan dan dunia.

Sempena perjumpaan bersejarah 30 ahli panel MSC itu, Economist Conferences (EC) akan menganjurkan persidangan meja bulat bertajuk Masyarakat Elektronik di Asia pada 12 dan 13 Februari. Dr Mahathir dijangka menyampaikan ucapan pada persidangan itu.

Persidangan dua hari yang dijangka diadakan di Mines Resort City akan membincangkan perkembangan pesat industri IT Asia.

Ia juga akan menganalisis pelbagai isu yang timbul dalam industri IT serantau, kesannya kepada Malaysia serta anggaran pertumbuhan perdagangan elektronik.

Persidangan meja bulat itu yang menjemput ahli panel terbabit turut membincangkan isu mengenai langkah kerajaan membangunkan masyarakat elektronik dan kesannya kepada industri IT dan telekomunikasi global.

MSC direka bentuk khusus untuk menarik pembangun teknologi multimedia

terkemuka, dilengkapi sistem rangkaian komputer dan telekomunikasi tercanggih serta lapangan terbang antarabangsa terbaru di Sepang yang akan mula beroperasi awal tahun depan.

Rakan niaga dalam projek itu akan memperoleh banyak manfaat daripada perundangan dan polisi baru yang antaranya sudah pun diluluskan di Parlimen.

Sebanyak 12 hingga 20 syarikat dijangka memulakan operasi di Cyberjaya seawal Februari tahun depan. Sehingga kini, 93 syarikat termasuk 34 yang bertaraf dunia diberikan status MSC dan dijangka membawa masuk AS\$25 bilion (kira-kira RM95 bilion) dalam MSC.

(END)